

Pusat Alumni UMS lancar Chapter Alumni Zon Kuching

NST 26.10.2016 4

KUCHING: Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan pertemuan dan sesi ramah mesra bersama alumni UMS di Kuching, Sarawak, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Alumni, Mohd Raffie Hj Janau berkata, program itu antara lain bertujuan untuk menjejaki alumni UMS di Sarawak bagi memperkukuhkan hubungan bersama alma mater.

"Kita juga ingin memaklumkan bahawa para alumni diiktiraf sebagai duta UMS terhadap seluruh agensi kerajaan atau swasta dan masyarakat dengan membawa kecemerlangan melalui jenama UMS di serata tempat.

"Para alumni juga berperanan sebagai penasihat, membantu dalam perjumpaan (reunion) anjuran UMS atau menyumbang kepada pembangunan universiti demi kepentingan bersama," katanya ketika berucap pada majlis yang julung kalinya diadakan di Bumi Kenyalang.

Pada majlis itu, Raffie turut membuat pelancaran Chapter Alumni UMS bagi Zon Kuching.

Menurut beliau, dengan tertubuhnya chapter itu sekali gus



BERSAMA...Raffie (depan tujuh dari kanan) mengambil gambar kenang-kenangan bersama alumni.

akan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan alumni di negeri itu dengan melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk perancangan untuk mengadakan Majlis Homecoming.

Serentak dengan pelancaran itu, turut diadakan pelantikan jawatankuasa tertinggi yang menyaksikan Zaim Zaidi dilantik sebagai Ketua Chapter dan Ahmad Shafiq Ahmad Sabirin

Timbalan Ketua Chapter.

Jawatan setiausaha dan bendahari pula masing-masing disandang Nurul Azzah Zainal dan Francesca Lim Way.

Program itu turut diserikan dengan acara citra karisma yang menyaksikan para alumni memperkenalkan diri masing-masing dan memaklumkan perihal status pekerjaan pada masa kini.